☑ Sinar Harian
☐ Sinar Ahad
Tarikh: 11/4/2012
Hari: Rabu M/S:
Ruangan: PERTABALAN YDP AGONG



■ Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah melawat gerai pejabat daerah yang mengambil bahagian menyediakan juadah hari raya pada jamuan hariran raya Setiausaha Kerajaan Negeri, di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman.

Pertabalan sebagai Sultan Kedah

PADA tanggal 19 Mac 1957, baginda dilantik menjadi Pemangku Sultan Kedah kerana Almarhum Sultan Badlishah berangkat ke luar negara pada 12 Mac hingga Julai 1957.

Tuanku Abdul Halim menaiki takhta Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman pada 14 Julai 1958 setelah ayahanda baginda Almarhum Sultan Badlishah mangkat.

Pada tanggal 20 Februari 1959, baginda ditabalkan secara rasminya sebagai Sultan Kedah ke-28 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Bahiyah sebagai Sultanah Kedah dalam satu istiadat gilang-gemilang di Balai Besar Alor Setar.

Menurut catatan sejarah, baginda merupakan Sultan Kedah yang ke-3 ditabalkan mengikut istiadat. Sultan-sultan sebelum ini, iaitu Sultan Rijaluddin Muhammad Shah, Sultan ke-13 (1626-1651) di Kota Naga dan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II atau Marhum Melaka, Sultan ke-22 yang juga berlangsung di Balai Besar.

Pendidikan awal

TUANKU Abdul Halim mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Alor Merah dan Sekolah Melayu Titi Gajah sebelum menyambung pelajaran di Kolej Sultan Abdul Hamid Alor Setar (1946 - 1948).

Pada Februari 1949, baginda berangkat ke England untuk melanjutkan pelajaran dan setelah mengikuti satu kursus persiapan, baginda diterima masuk ke Wadham College, Oxford London pada awal tahun 1952 dalam bidang Sains Kemasyarakatan dan Pentadbiran Awam. Sewaktu di England, baginda ditabalkan sebagai Raja Muda Kedah pada 6 Ogos 1949.

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1955, baginda berkhidmat di Pejabat Daerah Kota Setar dan kemudiannya di Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah. Pada tanggal 9 Mac 1957, baginda dilantik menjadi Pemangku Sultan Kedah kerana Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Badlishah telah berangkat keluar negara pada 12 Mac hingga Julai 1957.

Baginda bertemu jodoh dengan Almarhumah Tuanku Sultanah Bahiyah pada Mac 1956 di Istana Sri Menanti, Negeri Sembilan Darul Khusus. Almarhumah ialah puteri sulung kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman Tuanku Muhammad yang juga Yang di-Pertuan Agong pertama Persekutuan Tanah Melayu.

Hasil perkahwinan diraja ini, tuanku berdua dikurniakan tiga puteri iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Soraya, Yang Teramat Mulia Tunku Satina (mangkat) dan Yang Teramat Mulia Tunku Puteri Intan Safinaz.

Tanggal 26 Ogos 2003, Kebawah duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Bahiyah telah mangkat di Istana Kuala Chegar, Anak Bukit, Alor Setar.

Baginda juga bertemu jodoh dengan Yang Mulia Che Puan Hajjah Haminah binti Hamidun pada 25 Disember 1975. Tanggal 9 Januari 2004, telah berlangsung satu istiadat permasyuran Yang Mulia Che Puan Hajjah Haminah sebagai Sultanah Kedah yang baru dengan gelaran Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah. Tuanku Sultanah Haminah dilahirkan di Bagan Serai Perak, Darul Ridzuan.

■ Almarhum Sultan Badlishah bergambar dengan Tunku Sofiah serta anakanda-anakanda Baginda. Kelihatan Tuanku Abdul Halim (dua, kiri) bersama kakanda dan adinda.

PERTABALAN SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG KE-5

■ Baginda bertitah sesuatu kepada anakanda, Tunku Puteri Intan Safinaz.

TUANKU Abdul Halim dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-5 pada tahun 1970 hingga 1975. Pada 21 September 1970, baginda dan Almarhumah Tuanku Sultanah Bahiyah dengan rasminya sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Abdul Malik (Tuanku Bendahara yang kemudiannya bergelar Raja Muda) dilantik menjadi Pemangku Sultan Kedah. Pada ketika itu, paduka ayahanda saudara tuanku, Yang Teramat Mulia Tuanku Abdul Rahman Putera Al-Haj bersara daripada jawatan Perdana Menteri Malaysia. Pada 13 Disember 2006, KDYMM Tuanku telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia XIII.

Di sebalik kehidupan baginda

SEBAGAI seorang yang sangat cintakan ilmu pengetahuan, pada 7 April 1994, baginda telah dipersembahkan watikah pelantikan sebagai Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) sehingga sekarang. Baginda juga menjadi Penaung Diraja kepada pelbagai persatuan dan badan-badan bukan kerajaan di seluruh Kedah.

Tuanku Abdul Halim mempunyai minat bermain golf. Sukan golf turut menjadi kegemaran Tuanku Sultanah. Selain golf, ketika muda Tuanku Abdul Halim juga gemar bermain tenis dan billiard.

Bagaimanapun, baginda kini hanya bergiat dalam permainan golf. Walaupun gemar bersukan, namun baginda turut mempunyai hobi lain seperti melancong dan fotografi. Baginda berangkat ke Eropah pada tahun 1950 dan 1954 dan telah mengelilingi dunia pada tahun 1963.

Baginda amat berminat kepada pemeliharaan haiwan di Istana Anak Bukit. Terdapat Taman Haiwan yang menempatkan pelbagai jenis burung kegemaran baginda dan juga binatang seperti kuda dan rusa. Malah baginda sendiri mengambil berat terhadap pengawasan binatang peliharaan setiap hari. Baginda seorang yang mencintai alam semula jadi dan sentiasa memberi perhatian kepada pemuliharaan flora dan fauna.

■ Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Haminah bersama keluarga, Tunku Intan Shafinaz (kanan), Tunku Soraya (dua, kiri) dan suami, Raja Iskandar Zulkarnain ibni Sultan Idris Afifillah, selepas menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Pembangunan sempena Konvokesyen Diraja UUM.